

# ASPRIL TABLET

Acetylsalicylic acid (300mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Aspril
2. Bagaimana Aspril berfungsi
3. Sebelum menggunakan Aspril
4. Cara menggunakan Aspril
5. Semasa menggunakan Aspril
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Aspril
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Aspril

Ia digunakan untuk melegakan sakit kepala, demam dan sakit ringan akibat selesama, sakit gigi, rawatan keadaan reumatif jangka pendek atau panjang dan keadaan inflamatori lain yang bukan reumatif.

## Bagaimana Aspril berfungsi

Acetylsalicylic acid mempunyai tindakan mengurangkan kesakitan, demam dan inflamatori.

## Sebelum menggunakan Aspril

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil ubat ini jika anda mengalami ulcer usus, asma, hemofilia (kekurangan upaya badan membeku darah) atau gangguan pendarahan yang lain, sensitive kepada acetylsalicylic acid, kehamilan dan kanak-kanak bawah umur 16 tahun.

### - Sebelum menggunakan Aspril

Berhati-hati jika anda mengalami:

- asma
- ulser usus
- ketidak sempurnaan fungsi hati dan buah pinggang
- kehamilan

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Jangan guna serentak dengan ubat yang mengurangkan kelikatan darah kerana ia mungkin mengakibatkan pendarahan. Acetylsalicylic acid meningkatkan kesan methotrexate (untuk kanser) dan mengurangkan kesan probenecid (untuk asid urik). Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

## Cara menggunakan Aspril

### - Berapa banyak harus digunakan

Oral, 1 – 2 tablet tiga kali sehari selepas makan.

### - Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

### - Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### - Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini. Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### - Jika mengambil berlebihan(terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Tanda-tanda terlebih dos adalah pening kepala, pekak, berpeluh, loya dan muntah, sakit kepala, kekeliruan mental, pernafasan cepat, demam, kegelisahan, keton dalam air kencing, alkalisasi pernafasan (kandungan karbon dioksida rendah dalam darah), asidosis metabolismik (keasidan darah tinggi), koma, gangguan jantung, saluran darah dan pernafasan. Pada kanak-kanak, mengantuk, asidosis metabolismik (keasidan darah tinggi) dan paras gula yang sangat rendah dalam darah.

## Semasa menggunakan Aspril

### - Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor. Maklumkan kepada doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Aspril. Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda. Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda. Jangan berkongsi Aspril dengan seseiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati semasa penggunaan jika hamil. Kesan baik dan buruk pada bayi harus dipertimbangkan.

## Kesan-kesan sampingan

Kesan yang paling biasa adalah loya, ketidak hadaman dan muntah. Iritasi pada

perut, kehadiran darah pada bahan muntah dan najis mungkin berlaku. Acetylsalicylic acid menyebabkan tindak balas hipersensitiviti, gangguan kulit dan Bengkak pada membran mucus hidung dan tekak dengan serangan serupa asma. Ia menyebabkan Bengkak pada kulit dalam, dan inflamasi tisu jantung. Ia meningkatkan masa pembekuan darah. Bayi kepada ibu yang termakan dos berlebihan semasa hamil atau menyusukan anak mungkin mempunyai gangguan bekuan darah.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web

[npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety).

## Cara penyimpanan dan pelupusan Aspril

### - Penyimpanan

Simpan di tempat yang dingin dan kering bawah suhu 30°C. Jauhi ubat daripada kanak-kanak.

### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi.

## Maklumat lanjut

### - Rupa dan warna produk

Tablet bulat, kuning, rata dan berskor atas.

### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: acetylsalicylic acid  
- Bahan tidak aktif: cornstarch, avicel pH101, quinoline yellow lake, polyvinylpyrrolidone and dioctyl sodium sulfosuccinate.

### - Nombor MAL

MAL20020506XZ

## Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.  
1505, Lorong Perusahaan Utama 1  
Taman Perindustrian Bukit Tengah  
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,  
Malaysia.

## Tarikh kemaskini RiMUP

16/08/2017

## Nombor siri

NPRA(R4/1)160817/00214